

**SOALAN NO: 33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** Lisan

**DARIPADA :** YB Puan Rubiah binti Haji Wang  
[ Kota Samarahan ]

**TARIKH :** 6 Mac 2018

**SOALAN :** 33

**YB Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan lima (5) penyakit/ virus mengikut *ranking* yang menjadi ancaman kesihatan dan kesejahteraan sosial penduduk di negara ini serta langkah terkini Kementerian menanganinya.

**Tuan Yang DiPertua,**

Berdasarkan statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada tahun 2017, lima (5) penyakit virus mengikut *ranking* yang menjadi ancaman kesihatan dan kesejahteraan sosial penduduk di negara ini adalah Denggi, Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (Hand, Foot Mouth Disease (HFMD)), Viral Hepatitis, Measles dan HIV/AIDS. KKM terus komited untuk memperkuuhkan aktiviti pencegahan dan kawalan bagi mengurangkan risiko jangkitan, mengelakkan komplikasi dan kematian penyakit-penyakit tersebut dengan melaksanakan strategi-strategi khusus yang berikut.

Bagi menangani kes Demam Denggi, KKM telah mengambil langkah-langkah pencegahan melalui penglibatan secara bersepadu pelbagai kementerian dan agensi melalui penubuhan Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Kementerian sejak bulan Julai 2014. Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp). Melalui Pasukan Petugas Khas Denggi ini, pihak berkenaan telah diminta untuk menambah kemudahan bagi pembuangan sampah, meningkatkan kutipan sampah serta mengatasi masalah pembuangan sampah haram.

Bagi menjamin persekitaran yang bebas Aedes, KKM dan agensi kerajaan berkaitan turut memberi perhatian yang khusus kepada tapak-tapak pembinaan, tanah lot kosong dan taman rekreasi yang merupakan antara penyumbang besar kepada pembiakan Aedes. KKM mengambil pendirian tegas dalam penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit termasuk perintah penutupan premis dan pendakwaan di mahkamah. KKM juga telah meningkatkan aspek pencegahan Denggi melalui penggunaan kawalan secara biologi. Dalam hal ini, Institut Penyelidikan Perubatan telah dan sedang menjalankan kajian untuk menguji keberkesanan dan kesesuaian kaedah-kaedah yang telah dikenalpasti.

Hasil dari semua usaha bersepadu ini telah menunjukkan kesan yang positif di mana tren penyakit dan kematian denggi telah menunjukkan tren penurunan sebanyak dua (2) tahun beturut-turut iaitu 16.1% pada 2016 dan 17.2% pada 2017.

**Tuan Yang DiPertua,**

Bagi penyakit yang kedua *ranking* adalah penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD). HFMD adalah endemik dan berlaku sepanjang tahun di Malaysia. Penyakit ini berkait rapat dengan amalan kebersihan diri dan persekitaran serta mudah menular di kalangan kanak-kanak kecil berumur kurang daripada 10 tahun; terutamanya di premis yang menjadi tempat tumpuan kanak-kanak seperti di taska, tadika dan sekolah. HFMD juga kerap menjadi wabak di premis berkaitan.

KKM sentiasa menjalankan pemantauan penyakit ini di samping mengambil langkah-langkah berikut:

1. Melakukan pemeriksaan taska dan tadika serta tempat permainan di pusat membeli belah bagi menilai tahap kebersihan dan risiko jangkitan penyakit HFMD, terutama apabila berlaku wabak.
2. Menjalankan surveyan virus HFMD dan meningkatkan pengambilannya semasa berlaku wabak bagi mengenalpasti circulating virus supaya langkah pencegahan segera dapat diambil.
3. Menutup mana-mana premis yang disyaki menjadi punca jangkitan HFMD di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) selama tempoh 10 hari (2 inkubasi) bagi menyekat penularan virus HFMD.
4. Memperkuuhkan kerjasama antara agensi yang bertanggungjawab memantau taska, tadika dan sekolah bagi meningkatkan kesedaran mengenai kawalan dan pencegahan

HFMD dan mempertingkatkan kesedaran masyarakat berkaitan penyakit HFMD serta langkah pencegahannya.

Bagi penyakit yang ketiga dan keempat *ranking* adalah viral hepatitis dan measles. Sebanyak 5,159 kes penyakit hepatitis B dan 1,648 kes measles (campak) telah dilaporkan pada tahun 2017. Program imunisasi Kanak-Kanak Kebangsaan telah dijalankan oleh kerajaan sejak tahun 1950an dan merupakan salah satu cara yang amat berkesan untuk melindungi kanak-kanak seterusnya penduduk negara ini dari jangkitan penyakit yang boleh dicegah melalui vaksinasi termasuk Hepatitis B dan measles.

Vaksin hepatitis B dan measles mampu memberikan hampir 100% perlindungan seumur hidup sekiranya diambil dengan sempurna dan lengkap. Bermula tahun 2016, imunisasi measles diberikan lebih awal, dimana dos pertama diberikan pada usia 9 bulan dan dos kedua diberikan pada usia 12 bulan bagi memastikan kanak-kanak usia tersebut mendapat perlindungan yang paling optima. Pemberian Dos pertama memberikan *seroconversion* (pembentukan antibodi) sebanyak 85% dan pemberian dos kedua memberikan kadar *seroconversion* hampir 100%. Sebelum itu, imunisasi measles dos pertama diberikan pada usia 12 bulan sementara dos kedua diberikan pada usia 7 tahun. Pada tahun 2017 juga, pihak KKM memberikan suntikan tambahan kepada penghuni rumah kebajikan kanak-kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan di lokasi wabak.

Pihak KKM juga telah memberikan imunisasi hepatitis B sejak tahun 1989 lagi. Vaksin ini diberikan sebanyak tiga (3) dos iaitu 0 bulan, 1 bulan dan 6 bulan. Dos 1 (kelahiran) diberikan dalam tempoh 24 jam selepas kelahiran kerana ia mampu memberikan perlindungan sehingga

85% walaupun ibu adalah positif Hepatitis B. Kombinasi imunisasi hepatitis B dos kelahiran dan rawatan imunoglobulin dapat menurunkan risiko jangkitan Hepatitis B dari ibu kepada anak sehingga 95%. Imunisasi Hepatitis B yang lengkap (3 dos) memberikan perlindungan hampir 100%. Oleh yang demikian penyakit hepar/ hati kronik dan kanser dapat dikurangkan di masa hadapan.

**Tuan Yang DiPertua,**

Penyakit HIV/AIDS merupakan penyakit *kelima* ranking yang boleh menjadi ancaman kesihatan penduduk di negara ini. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan bagi HIV/AIDS seawal 1985 iaitu setahun sebelum penyakit ini mula dikesan di negara ini sepertimana yang digariskan di dalam siri-siri pelan tindakan atau pelan strategik kebangsaan. Terkini, Pelan Strategik Kebangsaan bagi Mengakhiri AIDS 2016-2030 akan mempergiatkan lagi pengesanan kes di kalangan kumpulan berisiko serta meningkatkan liputan rawatan kepada mereka yang hidup dengan HIV. Adalah tidak mustahil Malaysia boleh mengakhiri AIDS pada tahun 2030 atau lebih awal lagi jika negara mencapai 90-90-90 pada tahun 2020 iaitu 90% mereka yang dijangkiti HIV mengetahui status mereka, 90% dari yang dijangkiti menerima rawatan ARV dan 90% dari mereka yang menerima rawatan mempunyai beban virus yang rendah.

Untuk makluman YB Kota Samarahan, KKM secara berterusan memantau dan mengawal kejadian penyakit virus tersebut di Malaysia menerusi sistem surveyan dan notifikasi penyakit berjangkit serta melalui aktiviti-aktiviti kawalan dibawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].

**SOALAN : 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH (BUKIT GELUGOR)**

**TARIKH : 6 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10539**

**SOALAN :**

**PR-1361-L05438**

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan Kerajaan kini tidak lagi berniat untuk mengekstradisi Kpl. Sirul Azhar Umar dari Australia memandangkan pendirian Menteri Dalam Negeri dalam bulan Mac 2015 bahawa rundingan proses ekstradisi tersebut dengan Kerajaan Australia akan dimulakan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Permohonan ekstradisi perlu dilihat secara menyeluruh dan menyentuh hubungan dua hala dengan Australia kerana melibatkan dasar dan undang-undang negara lain dan perlu dikendalikan dengan berhati-hati. Selain itu, usaha Kerajaan untuk membawa pulang Kpl. Sirul Azhar bagi menjalani hukuman mati menyentuh isu hak asasi manusia di Australia yang tidak menyokong hukuman mati.**

**Mengikut triti ekstradisi Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Australia, permintaan ekstradisi untuk menjalani proses keadilan di mahkamah di Malaysia perlu dinyatakan kesalahan dan hukuman yang akan dilaksanakan mengikut peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa sekiranya penjenayah buruan tersebut bersalah. Australia merupakan salah sebuah negara yang tidak menyokong pelaksanaan hukuman mati.**

**Bagi kes Kpl. Sirul Azhar, Kerajaan masih belum mempunyai peluang untuk berunding dengan Kerajaan Australia kerana Mahkamah Persekutuan telah menjatuhkan hukuman mati ke atas beliau. Atas dasar itu, Kerajaan masih lagi mengkaji kaedah terbaik untuk menangani isu tersebut.**

**SOALAN ( 35 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 6 MAC 2018  
[ SELASA ]

DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG  
[ ALOR GAJAH ]

SOALAN :

**YB DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]** minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah mekanisme dasar jangka panjang yang sedang dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi untuk merealisasikan aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) seperti penjanaan pekerjaan yang berpendapatan tinggi dan bermakna, pembangunan seimbang di kawasan bandar dan luar bandar, memerangi kenaikan kos sara hidup dan sebagainya.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tempoh Januari 2017 hingga kini, pelbagai aktiviti libat urus (*engagement*) berkaitan TN50 telah dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian-Kementerian dan Agensi-Agenzi Kerajaan yang lain serta pihak swasta. Aktiviti-aktiviti libat urus ini termasuklah sesi dialog, perbincangan meja bulat, sesi *townhall*, bengkel bersama kumpulan fokus, soal selidik, pertandingan dan sebagainya yang melibatkan *stakeholders* dan kumpulan sasar masing-masing di seluruh Negara termasuk juga rakyat Malaysia di luar negara. Isu pekerjaan dengan pendapatan tinggi, pembangunan seimbang antara Bandar dan luar Bandar dan sebagainya telah diambil kira semasa perbincangan kumpulan fokus dan perbincangan kumpulan pakar yang diadakan semasa aktiviti analisis dan sintesis aspirasi daripada rakyat. Input daripada sesi libat urus bersama golongan belia telahpun diterjemahkan ke dalam laporan belia yang dinamakan Kanvas Belia dan diserahkan oleh Kementerian Belia dan Sukan kepada YAB Perdana Menteri pada 28 Februari 2018. Kanvas Belia tersebut memaparkan

tentang tema utama yang dibincang dan diaspirasikan oleh golongan belia iaitu Global, Saksama, Mampan, Bersatu, Bertanggungjawab dan Prihatin. Selain itu, input yang terkumpul daripada golongan selain belia rata-ratanya menunjukkan rakyat Malaysia menitikberatkan tentang kualiti kehidupan, masyarakat yang mapan dan inklusif serta beridentitikan Malaysia ke arah tahun 2050.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, lebih daripada dua juta rakyat Malaysia telah terhubung bagi mengetahui tentang pelan dan perancangan TN50, lebih daripada 300,000 rakyat telah dilibatkan dengan aktiviti TN50 dan lebih daripada 150,000 aspirasi telah terkumpul daripada segenap pelosok daerah di Malaysia dan juga pelbagai lapisan masyarakat yang menunjukkan bahawa tiada golongan yang tertinggal dalam menyuarakan aspirasi TN50 kepada Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kaedah yang digunakan bagi menggubal Dasar TN50 adalah dengan menggabungkan input aspirasi daripada rakyat (*bottom up*) bersama dengan panduan input kumpulan pakar melalui kertas dasar yang disediakan oleh Agensi Pusat, Kementerian dan pihak swasta (*top down*) dengan mengambil kira trend-

trend mega dunia yang sedang dan akan melanda Malaysia. Seterusnya dapatan daripada proses ini akan digarap dengan berkesan bagi membentuk Dasar TN50 yang dirancang untuk dilancarkan pada bulan September tahun 2018.

Susulan itu, Jabatan Perdana Menteri akan merangka strategi TN50 untuk diterapkan dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) untuk pelan pelaksanaan lima tahun di Kementerian dan Agensi. Kementerian dan Agensi kelak akan menghasilkan pelan strategik yang fokus kepada fungsi masing-masing dengan berpandukan dokumen RMKe-12 tersebut.

Bermula dengan RMKe-12 perancangan pembangunan Negara tidak hanya mengejar pembangunan pertumbuhan ekonomi semata-mata tetapi lebih inklusif dan seimbang dalam memastikan perkembangan ekonomi menghasilkan peluang pekerjaan dan pendapatan yang lebih tinggi kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

6 Mac 2018